



Oleh  
Razak Rashid  
Ghows dan  
G. Shanti

# Tambah kawasan pilihanraya Peluang bagi rakyat Sarawak dapat perwakilkan

## lebih seimbang — PM

UM 19 MAR 1987

**K**UALA LUMPUR 18 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pertambahan kawasan pilihanraya Parlimen dan negeri bagi Negeri Sarawak melalui ulangkaji dan persempadanan semula kawasan tersebut akan membuka peluang kepada rakyat Sarawak mendapat perwakilkan yang lebih seimbang dan berkesan. Menurut Perdana Menteri ulangkaji bahagian - bahagian pilihanraya bagi Negeri Sarawak perlu dibuat bukan semata-mata sebagai menepati kehendak perlembagaan tetapi juga kerana perkembangan

pesat di negeri itu terutama di bidang ekonomi dan sosial.

Berucap membentangkan usul mengenai laporan ulangkaji dan persempadanan bahagian - bahagian pilihanraya Parlimen dan negeri bagi Negeri Sarawak di Dewan Rakyat petang ini, beliau berkata, bilangan penduduk di negeri berkenaan yang mempunyai keluasan kawasan yang amat luas adalah tidak setimpal. Menurutnya, ulangkaji tersebut dibuat dengan tujuan untuk mengimbangkan keadaan penduduk dengan keluasan

kawasan dan bagi menentukan sesuatu kawasan tidak begitu luas hingga menimbulkan kesukaran kepada wakil-wakil rakyat.

Katanya, dalam membuat ulangkaji itu, antara faktor yang diambil kira termasuk soal kemudahan pengangkutan dan perhubungan. Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa pembentangan usul itu tidak ada kaitan sama sekali dengan perkembangan politik di Sarawak sekarang. Usul tersebut menurut Datuk Sri Dr. Mahathir dibentangkan di sidang ini secara kebetulan dengan krisis yang berlaku di Sarawak.

Mengenai masalah pengangkutan dan perhubungan, Datuk Sri Dr. Mahathir menambah bahawa walaupun terdapat banyak perubahan dari segi pembangunan yang pesat, namun kekurangan kemudahan komunikasi masih menjadi faktor penghalang khususnya untuk memenuhi kehendak mewujudkan bahagian - bahagian yang ideal dari segi pentadbiran. "Sungai - sungai, sama ada kecil atau besar, masih menjadi saluran pengangkutan dan perhubungan yang utama kerana jalan - jalan raya masih berkurangan dan hanya terdapat di bandar - bandar besar sahaja.

"Dengan demikian amatlah sukar bagi suruhanjaya

untuk benar-benar mempersempadankan bahagian - bahagian pilihanraya bagi membolehkannya ditadbir dengan cara yang mudah dan berkesan oleh wakil-wakil rakyat yang akan dipilih kelak," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, sebagaimana yang terkandung di dalam laporan suruhanjaya, jumlah pemilih yang disahkan pendaftaran pada bulan Januari 1986 ialah seramai 607,232 orang. Angka tersebut kata Perdana Menteri merupakan 47.14 peratus lebih daripada jumlah pemilih tahun 1977 apabila ulangkaji dan persempadanan semula bahagian - bahagian pilihanraya Negeri Sarawak yang terakhir dijalankan yang mana jumlah pemilih ketika itu ialah 412,676 orang.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, bahagian - bahagian pilihanraya yang dipersempadankan semula itu akan berkuatkuasa apabila Dewan Undangan Negeri Sarawak dibubarkan untuk pilihanraya negeri dan apabila Dewan Rakyat dibubarkan untuk pilihanraya Parlimen. "Selagi Dewan-Dewan berkenaan tidak dibubarkan atau tidak dengan sendirinya terubur, maka selama itulah masih terpakai bahagian - bahagian pilihanraya yang wujud sekarang ini," tambah beliau.